

27 NOV 1999

Mahathir-Anwar

FAKTOR SIMPATI TIDAK HARUS JADI ASAS, KATA DR MAHATHIR

BUKIT MERTAJAM, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata faktor simpati tidak harus menjadi asas untuk membuat keputusan dalam pilihan raya yang memerlukan setiap pengundi membuat keputusan yang bijak.

Dengan merujuk kepada isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata beliau sedar banyak orang sedih dengan nasib Anwar termasuk dirinya sendiri, lebih-lebih lagi kerana beliau mengenali isteri dan anak-anak Anwar.

"Tetapi hari ini kita adakan pilihan raya, bukannya untuk lepas geram dan perasaan marah... dan faktor sedih dan simpati tidak harus menjadi asas untuk membuat keputusan," katanya.

"Walaupun dia kawan, saya terpaksa memilih antara kawan dan negara," kata Dr Mahathir ketika berucap merasmikan Politeknik Seberang Prai dekat sini yang terletak dalam kawasan parlimen Permatang Pauh.

Pada pilihan raya ini, kawasan itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) Datuk Dr Ibrahim Saad dan Presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri Anwar.

Dr Mahathir berkata Wan Azizah menggunakan sentimen belas kasihan dalam usahanya untuk memancing undi di kawasan itu.

Ketika bercakap panjang lebar tentang sebab-sebab beliau memecat Anwar sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan, Dr Mahathir berkata nasib yang menimpa Anwar adalah angkara perbuatannya sendiri, bukannya dianiaya.

"Kita bukan aniaya bekas timbalan perdana menteri itu. Tidak ada siapa yang menganiayai dia, dia yang menganiayai dirinya dengan kelakuannya itu," katanya.

"Saya sendiri tidak sangka kerana selama 16 tahun saya anggap dia warak, patuh kepada Islam. Akhirnya saya dapat bukti jelas bahawa dia tidak seperti yang digambarkan," katanya.

Perdana Menteri berkata kerana itulah beliau mendapati bekas timbalannya itu tidak layak untuk menjadi pemimpin negara menggantikan beliau.

"Malang baginya dan malang bagi saya. Saya dapati dia tidak layak," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menjelaskan lebih mendalam mengenai perbuatan Anwar kerana kesnya sedang dibicarakan.

Katanya beliau bercadang untuk membuat penjelasan lebih lanjut selepas perbicaraan itu selesai.

Anwar kini menjalani hukuman penjara selama enam tahun kerana perbuatan rasuah. Beliau juga sedang dibicarakan terhadap rудuhan liwat.

Dr Mahathir berkata, beliau sudah bercadang untuk meletak jawatan selepas Sukan Komanwel tahun lepas tetapi menangguhkan hasrat itu kerana khuatir bakal penggantinya tidak mampu menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara pada masa itu.

Katanya pada September tahun lepas, beliau mendapat bukti jelas terhadap Anwar lalu tidak teragak-agak mengambil keputusan menyingkirkannya daripada kerajaan.

"Walaupun dia kawan, dia terpaksa disingkirkan kerana saya terpaksa mengutamakan kepentingan negara," katanya.

"Itu sahaja kuasa yang ada pada saya sebagai Perdana Menteri. Saya tidak boleh buat yang lain," katanya.

Tindakan seterusnya diambil oleh Umno yang membuat keputusan secara tertib mengikut aturan parti untuk menyingkirkan Anwar daripada jawatan parti dan juga sebagai anggota Umno, kata beliau.

Dr Mahathir mengakui memang beliau mulanya sayang dan yakin kepada Anwar hingga memberi peluang beliau memegang jawatan penting dalam kerajaan sehinggalah menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Malah, katanya, beliau tidak menghalang Anwar daripada bertanding bagi jawatan-jawatan penting dalam Umno termasuk jawatan Timbalan Presiden walaupun beliau sebenarnya tidak bersetuju dengan hasrat Anwar.

"Kerana saya sayang kepada orang ini... walaupun beliau `ambitious' saya berpendapat beliau berbakat menjadi PM. Saya telah beritahu rakan-rakan dalam kabinet bahawa inilah orang yang akan menggantikan saya," katanya.

Dr Mahathir berkata hanya selepas mendapat bukti, barulah beliau sedar bahawa bekas timbalannya itu bukanlah seperti apa yang beliau sangka sebelumnya.

Dr Mahathir berkata, beliau menyedari kelemahan Anwar apabila melihatnya mengendalikan krisis kewangan dengan mengikut telunjuk Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Keputusan-keputusan dibuat beliau telah menyebabkan ekonomi negara semakin parah apabila kadar faedah dinaikkan dan pinjaman dikurangkan, sehingga menyebabkan banyak bank dan perniagaan menjadi tenat dan menghadapi kemungkinan ditutup, katanya.

"Sebagai seorang anggota kabinet, saya benarkan dia menggunakan budi bicaranya. Tetapi bila dia mengenakan syarat-syarat ini maka ekonomi kita merosot lebih teruk.

"Jelas dia tidak tahu dan tidak cukup mahir menguruskan ekonomi negara. Oleh kerana itu MTEN telah mengambil alih tugas tersebut dan kita mencipta cara sendiri untuk menguruskan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia menerima banyak kecaman tetapi ia kini dianggap sebagai sebuah negara yang berjaya mengatasi sendiri masalah kegawatan ekonomi tanpa bantuan luar.

"Kita tidak hirau teguran sesiapa. Hari ini ekonomi kita sudah pulih semula dan peniaga serta pekerja tidak lagi tertekan. Kalau kita ikut nasihat IMF kita akan terus miskin," katanya.

-- BERNAMA

MOK NMO